

Headline	Nasgera, alternatif makanan segera		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	57	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	668 cm ²
Journalist	Connie S Monical	AdValue	RM 3,674
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,022



Nasgera, alternatif makanan segera

Produk pertama nasi segera halal di dunia

CONNIE S MONICAL

Berpandukan pengalaman kesukaran memperoleh bekalan makanan ruji dan halal ketika mengikuti kursus di Itali selama lima minggu mencetuskan idea pasangan adik-beradik bergelar doktor, Dr Marfuah Mohd Salim dan Dr Khalid Mohd Salim untuk menghasilkan satu lagi bentuk pilihan makanan ringan iaitu nasi segera.

Nasi segera keluaran syarikat Bumiputera, Masdar Safi Sdn Bhd ditubuhkan sejak 2007 merupakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pertama yang mengeluarkan produk seumpama ini dalam pasaran tempatan.

Nampak menarik, tetapi agak unik bagi mereka yang tidak pernah mendengar konsep makanan ringan berasaskan nasi. Produk itu dihasilkan menerusi gabungan idea Rakan Kongsi Masdar Safi Sdn Bhd, Khalid Mohd Salim, selepas penyelidikan selama hampir tiga tahun.

Kini, produk pertama Nasgera atau nasi segera berjaya dicipta dengan kualiti setanding produk luar negara.

"Cara memasak Nasgera pula masih sama seperti mi segera di mana pengguna hanya perlu rendam nasi dengan air panas selama dua minit kemudian dikeringkan dengan membuang air rendaman sebelum sedia dimakan.

"Nasgera terdapat dalam empat perisa iaitu ayam, asam pedas, nasi lemak dan nasi goreng," katanya yang juga bekas penuntut jurusan Perubatan Universiti Malaya (UM).

Selain itu, ia juga boleh dimasak menggunakan air sejuk, namun me-

makan masa kira-kira tiga jam sebelum ia boleh dimakan.

Cipta mesin ketuhar sendiri

Menurutnya, untuk menghasilkan nasi segera yang benar-benar melengkap kriteria, ia memerlukan penyelidikan berterusan yang turut menggunakan satu tan beras bagi mendapatkan kualiti nasi segera yang benar-benar berkualiti.

Dengan bermodalkan RM500,000, Masdar Safi akhirnya berjaya membuka dua kilang di Ipoh dan Kuala Lumpur.

Katanya, memandangkan perkaasan tidak terdapat di pasaran, dia terpaksa mencipta mesin ketuhar sendiri berukuran 12 kaki untuk tujuan pengeringan beras yang juga merupakan proses paling penting bagi menghasilkan nasi segera yang sesuai untuk semua jenis beras.

"Kelebihan jenama Nasgera adalah kerana tidak menggunakan sebarang bahan pengawet, Sodium Glutamate atau MSG dan bahan kimia sebaliknya mengandungi kandungan kanji paling rendah berbanding beras yang berada di pasaran.

"Selain itu, Nasgera yang dimasak 100 peratus secara tradisional ini mampu mengubati penyakit seperti kencing manis, kandungan gula yang banyak dalam darah dan sesuai kepada individu yang diet," katanya.

Kelompok sasaran adalah golongan muda, berkerjaya

Khalid berkata, Nasgera sudah berada di pasaran sejak Julai 2010 ketika Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas). Dalam tempoh 12 bulan kemudian, Nasgera sudah boleh didapati di beberapa pasar raya sekitar Lembah Klang seperti AE

Headline	Nasgera, alternatif makanan segera		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	57	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	668 cm ²
Journalist	Connie S Monical	AdValue	RM 3,674
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,022

Mart, Halal Mart di Shah Alam, Alamanda, kedai-kedai runcit dan koperasi kolej serta universiti terpilih.

Katanya, untuk memperluaskan pasaran jenama dalam pasaran tempatan, Nasgera berharap dapat memasuki pasar raya besar tempatan seperti Mydin dan Tecso pada masa akan datang.

"Kami ingin membawa perubahan dalam revolusi makanan segera dengan mencipta makanan yang mendatangkan faedah kepada pengguna daripada segi kesihatan, sekali gus menjadi pengganti kepada makanan segera sedia ada.

"Oleh itu, sasaran utama Nasgera adalah golongan berkerjaya dan remaja berumur sekitar 18 sehingga 40-an yang mengamalkan gaya hidup moden dan terlalu sibuk sehingga tidak mempunyai masa untuk memasak," katanya.

Menurutnya, Nasgera juga sesuai dibawa ke luar negara terutamanya negara yang sukar menyediakan makanan halal kerana terdapat pelanggan yang menempah Nasgera untuk dibawa ke luar negara ketika melancong.

Cadang buka kilang lebih besar

Menurutnya, pengeluaran jenama Nasgera bergantung kepada permintaan pelanggan dan secara purata, pengeluaran untuk sebulan mencecah lima tan beras.

Katanya, bagi menampung kapasiti besar dan permintaan yang semakin meningkat, syarikatnya bercadang memiliki kilang lebih besar dan kelengkapan lebih moden.

Ini kerana, proses membuat Nasgera dijalankan secara 90 peratus manual dan hanya 10 peratus menggunakan mesin sedia ada.

"Untuk mengeluarkan produk dalam skala besar, kami memerlukan mesin yang mampu dijalankan 100 peratus oleh mesin.

"Kami sedang membina mesin moden yang mampu beroperasi secara automatik dan secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pengeluaran produk," katanya, yang ditemui di klinik miliknya di Taman Indah, Jalan Cheras, Balakong.

Cari pengedar berminat

Menurut Khalid, Nasgera yang terdapat dalam empat perisa ini dijual dengan harga serendah RM3.80 dalam bekas manakala RM3.50 dalam bentuk peket.

"Bagi meluaskan jualan produk kami ke seluruh pasaran negara, kami berhasrat untuk menambah pengedar sedia ada.

"Oleh itu, dialu-alukan individu yang berminat menjadi pengedar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk menghubungi kami," katanya.


Bakal lancar produk baru

Khalid berkata, Masdar Safi Sdn Bhd, berharap jenama Nasgera dapat dikenali ramai dan menguasai jualan dalam pasaran tempatan, sekali gus menjadi sebuah nama besar dan unggul untuk produk makanan segera pada masa akan datang.

Menurutnya, bagi mengukuhkan lagi jenama Nasgera, syarikatnya akan menghasilkan produk Nasgera dalam beberapa perisa lain seperti perisa sayuran dalam tempoh 12 bulan akan datang.

Khalid berkata, jenama Nasgera merupakan satu-satunya pengeluar nasi segera Halal yang disahkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) pertama di dunia.

Selain Nasgera, Syarikat Masdar Safi Sdn Bhd mempunyai beberapa produk sedia ada seperti bubur segera, nasi air, kuah rojak dan pes sambal.



Nasgera turut dipaketkan bagi memudahkan pengguna.

Headline	Nasgera, alternatif makanan segera		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	57	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	668 cm ²
Journalist	Connie S Monical	AdValue	RM 3,674
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,022



Khalid berharap Nasgera menjadi jenama yang dikenali dalam pasaran tempatan sebagai peneraju makanan ruji segera.



Nasgera turut terdapat dalam empat perisa iaitu ayam, asam pedas, nasi goreng dan nasi lemak.